

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Menjejaki saudara baharu kaum Tionghoa di Raub

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
- 3 April 2023, 8:46 am



MOHD. Muzil Adli Ne'mat (tengah) menyampaikan barang keperluan dapur kepada pasangan saudara baharu Islam di Kampung Sempam, Raub, Pahang. – FOTO/IHSAN MUIP RAUB

Seramai 20 buah keluarga saudara baharu kaum Tionghoa disantuni pegawai dan kakitangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang ([Muip](#)) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Raub di sekitar daerah Raun baru-baru ini.

Pengurus Muip Raub, Mohd. Muzil Adli Ne'mat berkata, program bertujuan menjelaki saudara baharu Tionghoa untuk bertanyakan khabar serta memberikan motivasi sekali gus usaha dakwah menguatkan keimanan dan takwa golongan terbabit.

Katanya, program ini berjaya menjelaki 20 buah keluarga Tionghoa sekali gus dapat mengeratkan silaturahim dan menyelami masalah kebajikan masing-masing.

“Aktiviti ini turut disertai oleh pegawai Masjid Tengku Abu Bakar dan ahli Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Sempam dan JP KK Sungai Lui juga dimurnikan dengan sumbangan hamper barang keperluan dapur daripada Muip,” katanya di Kampung Sempam, Raub baru-baru ini. – UTUSAN